

18 FEB 2001

Mustapa-Komputer

RAKYAT JANGAN SIA-SIAKAN PERUNTUKAN BESAR KERAJAAN

KOTA BAHARU, 18 Feb (Bernama) -- Rakyat terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar tidak patut mensia-siakan peruntukan besar yang disediakan kerajaan dalam memastikan mereka celik komputer.

Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed berkata walaupun pelbagai kempen dan kemudahan disediakan namun komitmen masyarakat luar bandar untuk mempelajari komputer masih rendah.

"Mempelajari komputer penting, kita (rakyat) tidak boleh main-main ...kerana kerajaan berbelanja berbilion ringgit untuk menjayakan wawasan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) negara," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Biasiswa Persatuan Alumni SIC Kelas 69 di Maktab Sultan Ismail (SIC) di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana masih ramai rakyat tidak berusaha mempelajari komputer dan bidang teknologi maklumat.

Dr Mahathir dilaporkan berkata jika sikap itu berterusan, rakyat negara ini akan jauh ketinggalan dalam era komputer yang bergerak semakin pantas.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata Umno negeri turut mahu memastikan penduduk Kelantan tidak ketinggalan dalam era IT dengan langkah pertama membina makmal komputer.

Beliau mahukan tokoh korporat anak Kelantan turut memberi sumbangan komputer kepada sekolah-sekolah di negeri ini.

Mustapa yang juga Penaung Persatuan Alumni SIC Kelas 69, turut menggesa lepasan pelajar yang berjaya dalam pelbagai bidang untuk menghulurkan sumbangan kepada sekolah yang pernah menabur jasa kepada mereka.

"Anak Kelantan yang telah berjaya, termasuk ramai yang menjadi tokoh korporat, perlu kembali ke sekolah masing-masing bagi membantu menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran kepada pelajar," katanya.

Persatuan Alumni SIC Kelas 69, dianggotai pelajar lepasan SIC pada 1969, ditubuhkan bagi memenuhi keperluan pelajar di maktab berkenaan dan beberapa buah sekolah di negeri ini, dengan menganjurkan pelbagai program termasuk Program Biasiswa SIC 69, Program Pelajar Miskin dan Program Bantuan Infrastruktur Maktab.

Pada majlis itu, persatuan berkenaan menyumbangkan biasiswa kepada 18 pelajar SIC dan 50 pelajar miskin tahun satu dari beberapa buah sekolah di negeri ini.

-- BERNAMA

BD RON